

10 NOV 1998

Mahathir-Anwar/I

DR MAHATHIR BERPENDAPAT ANWAR TIDAK AKAN SERTAI SEMULA UMNO

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpendapat bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan menyertai semula Umno memandangkan apa yang telah beliau menyatakan mengenai Umno selepas dipecat daripada kerajaan dan parti.

Perdana Menteri juga berkata Anwar boleh menubuhkan parti politik sendiri jika mahkamah membebaskannya daripada tuduhan yang dihadapi.

Dr Mahathir berkata demikian dalam temuramah yang disiarkan secara langsung melalui rancangan Biz Asia, iaitu program CNN malam ini.

Dr Mahathir ditanya oleh wartawan Lorraine Hahn sama ada beliau bersedia menerima semula Anwar jika beliau (Anwar) didapati tidak bersalah atau membenarkannya menubuhkan parti politiknya sendiri.

Anwar kini dibicarakan atas tuduhan rasuah dan salahlaku seksual di Mahkamah Tinggi.

Ketika ditanya sama ada keadaan politik sekarang mungkin menyebabkan pergeseran dalam kerjasama serantau, Dr Mahathir berkata ia mungkin memberi implikasi untuk sementara tetapi kesannya tidak akan berpanjangan.

"Apabila perbincangan kes (Anwar) selesai, rakyat akan mengetahui apa yang benar dan salah, saya berpendapat pendirian mereka mengenai isu ini akan diketahui dengan jelas," kata beliau.

Hahn bertanya Dr Mahathir bahawa perbincangan Anwar telah menarik perhatian seluruh dunia dan tidak kurang juga mendapat kritikan daripada pemimpin Barat dan Asia.

Ketika ditanya mengapa kesannya tidak berpanjangan, Dr Mahathir berkata: "Saya percaya kita berpegang kepada semangat kerjasama, perkara seperti ini berlaku di setiap negara. Jika kita mengkritik satu sama lain, kita tidak mungkin dapat bersama dalam satu kumpulan.

Semasa ditanya sama ada beliau mengambil berat tentang apa yang dunia berpendapat mengenai beliau kerana menyuarakan pendapat yang sering mendapat kritikan: Dr Mahathir berkata: "Sudah tentu, saya mengambil berat tetapi ada perkara yang perlu disuarakan.

Jika anda mahu jujur kepada diri anda sendiri, anda harus membuat kritikan walaupun ia akan mendapat reaksi yang kurang senang daripada pihak lain.

Dr Mahathir berkata pemecatan Anwar tidak berkaitan dengan cabaran ekonomi atau politik daripadanya, tetapi adalah kerana masalah moral Anwar.

"Dari segi politik saya berasa dapat menangani apa yang dikatakan cabaran Anwar terhadap kepimpinan saya kerana parti menyokong saya, sebagaimana yang dapat dilihat tiada siapa yang telah keluar parti," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau telah membimbing Anwar kerana beliau berpendapat Anwar adalah calon yang terbaik untuk menggantikannya.

Ditanya berkaitan penggantinya, Dr Mahathir berkata parti (Umno) akan memutuskan siapa yang akan menggantikannya, jika sesuatu berlaku kepadanya.

Dr Mahathir juga memberikan jaminan Anwar akan mendapat perbincangan yang adil di mahkamah.

Kepada soalan nama Dr Mahathir telah disenaraikan sebagai saksi pendakwa, beliau berkata beliau belum diminta untuk memberikan keterangan dan beliau akan berbuat demikian jika diminta.

Kepada soalan sama ada ISA masih diperlukan, Dr Mahathir berkata: "Akta itu sebenarnya telah dikaji semula, tetapi kita masih tidak pasti sama ada kita masih memerlukannya atau tidak, tetapi dari masa ke semasa akta

itu akan dikaji.

Ditanya sama ada beliau bersedia menggunakan akta itu terhadap media antarabangsa, Dr Mahathir berkata: "Tidak, saya fikir mereka bebas untuk membuat cadangan, jika kerajaan mahu menggunakan akta itu terhadap media asing, sudah tentu lama dahulu ia telah digunakan."

--BERNAMA

ARA FAZ RI